



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 4 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KPWKM TEGAS PAWE BUKAN PUSAT JAGAAN, PERLU DAFTAR BAWAH AKTA 506		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-tegas-pawe-bukan-pusat-jagaan,-perlu-daftar-bawah-akta-506	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	SEVERAL PROGRAMMES IN THE WORKS TO STRENGTHEN FAMILY BONDS, SAYS NANCY		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/03/several-programmes-in-the-works-to-strengthen-family-bonds-says-nancy	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PROGRAM PERANTIS WADAH LATIH, BIMBING WANITA JADI PEMIMPIN BERDAYA SAING		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486774	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2486762	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	GOVT PLEDGES SUPPORT TO HELP REUNITE M. INDIRA GANDHI WITH MISSING CHILD		POSITIF
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/03/govt-pledges-support-to-help-reunite-m-indira-gandhi-with-missing-child	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	HANNAH YEOH WARNS OF STERN ACTION, INCLUDING POLICE REPORT, IF WARZONE CHAMPIONSHIP FEATURING CHILD FIGHTERS PROCEEDS		POSITIF
	https://www.malaymail.com/news/sports/2025/11/03/hannah-yeoh-warns-of-stern-action-including-police-report-if-warzone-championship-featuring-child-fighters-proceeds/197091	MALAYMAIL.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755187/berita/sukan/hannah-yeoh-tegur-penganjur-wwc-atas-promosi-tidak-sesuai-keselamatan-sukan-tempur-malaysia	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2486736	BERNAMA.COM	
	https://www.scoop.my/sports/273286/kbs-warns-organisers-against-unauthorised-warzone-combat-event-featuring-child-fighters/	SCOOP.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KERAJAAN TELITI NAIKKAN GERAN KRT AKTIF HINGGA RM10,000		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486747	BERNAMA.COM	
	https://bernama.com/en/news.php?id=2486769	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	JUMLAH KANAK-KANAK PERLUKAN PENJAGAAN, PERLINDUNGAN NAIK 12.7%		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/11/jumlah-kanak-kanak-perlukan-penjagaan-perlindungan-naik-12-7/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-rekod-903-juta-kanakkanak-bawah-18-tahun-pada-2025-545898	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755189/berita/nasional/malaysia-rekod-903-juta-kanak-kanak-bawah-18-tahun-pada-2025	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/en/general/news.php/news.php?id=2486667	BERNAMA.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/03/lebih-9000-kanak-kanak-perlu-perindungan-di-malaysia/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/03/jumlah-kanak-kanak-perlukan-penjagaan-perindungan-meningkat/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2486630	BERNAMA.COM	
	https://themalaysianreserve.com/2025/11/03/malaysia-records-9-03m-children-under-18-in-2025/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://www.sinardaily.my/article/731408/focus/national/malay-sia-records-903-million-children-under-18-in-2025	SINARDAILY.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	'LEPAS SAYA BACA BERITA ITU, SAYA UNINSTALL ROBLOX DAN LARANG ANAK MUAT NAIK SEMULA'		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283303/lepas-saya-baca-berita-itu-saya-uninstall-roblox-dan-larang-anak-muat-naik	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755153/berita/nasional/roblox-beri-jaminan-tingkat-keselamatan---hannah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2486446	BERNAMA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/03/roblox-ready-to-improve-digital-safety-says-hannah	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://says.com/my/tech/malaysia-may-ban-roblox-over-safety-concerns	SAYS.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	3 LELAKI DITAHAN, DISYAKI PUKUL KANAK-KANAK CURI PENGECAS BATERI		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/3-lelaki-ditahan-disyaki-pukul-kanak-kanak-curi-pengecas-bateri/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/bfokus/news.php?id=2486614	BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283277/polis-tahan-tiga-lelaki-dipercayai-pukul-kanak-kanak-dituduh-curi-pengecas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755170/berita/semasa/dituduh-curi-power-bank-kanak-kanak-lelaki-cedera-dibelasah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/kanak-kanak-dibelasah-kerana-dituduh-curi-power-bank/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/03/tiga-lelaki-disyaki-pukul-kanak-kanak-12-tahun-gara-gara-power-bank/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	HARI KELUARGA BERTUKAR DUKA, ANAK TIGA TAHUN LEMAS DI KOLAM		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/03/hari-keluarga-bertukar-duka-anak-tiga-tahun-lemas-di-kolam/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283281/budak-3-tahun-ditemukan-lemas-dalam-kolam-inap-des-a-di-melaka	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2486616	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/755183/berita/semasa/budak-3-tahun-lemas-dalam-kolam-inap-des-a	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/03/budak-lemas-di-kolam-homestay-ibu-bapa-disiasat-kes-pengabaian-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	LELAKI DISYAKI ROGOL ANAK AKAN DIDAKWA ESOK		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-disyaki-rogol-anak-akan-didakwa-esok/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1283454/bapa-disyaki-rogol-anak-dihadap-ke-mahkamah-esok	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1307830/man-accused-raping-daughter-be-charged-raub-tomorrow	NST.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KPWKM tegas PAWE bukan pusat jagaan, perlu daftar bawah Akta 506

Nasional - Dicipta: 03 November 2025 09:18 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri/BERNAMA

KUALA LUMPUR, 3 November – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memaklumkan penyedia perkhidmatan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) seperti pusat jagaan harian atau kediaman perlu menukar pendaftaran mereka di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata PAWE tidak dibenarkan berfungsi sebagai pusat jagaan kerana peranan dan pengoperasiannya berbeza, iaitu tertumpu kepada penyediaan aktiviti rekreasi, sosial dan pembelajaran bagi menggalakkan warga emas hidup secara berdikari.

“Dalam hal ini, pendaftaran PAWE tidak membolehkan mereka mengoperasikan pusat jagaan. Namun begitu, ahli PAWE boleh bergerak secara kreatif membantu komuniti setempat dalam mengisi kelompangan penjagaan atau mengatasi fenomena kesunyian, seperti menyantuni dan meneman warga emas yang tinggal sendirian di rumah masing-masing.

“Bagi menggalakkan lebih banyak PAWE ditubuhkan, KPWKM telah melaksanakan penambahbaikan melalui Program Pemerksaan Warga Emas atau PAWE@3A (Anywhere, Anytime, Anyplace) bermula tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2026 (Belanjawan 2026) peringkat dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Nancy, Akta 506 menetapkan beberapa keperluan penting termasuk penyediaan penjaga terlatih, kemudahan yang mencukupi serta pematuhan nisbah ruang lantai dengan jumlah penghuni bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan warga emas.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebanyak 193 PAWE kini beroperasi di seluruh negara, memberi manfaat kepada lebih 50,000 warga emas menerusi pelbagai aktiviti sihat dan bermanfaat seperti senaman, program keagamaan serta latihan celik digital.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Several programmes in the works to strengthen family bonds, says Nancy

By RAHIMY RAHIM and RAGANANTHINI VETHASALAM

NATION

Monday, 03 Nov 2025

6:21 PM MYT



KUALA LUMPUR: Various initiatives are being rolled out to strengthen Malaysian families, including programmes that teach fathers to lead with empathy and encourage parents to reduce screen time at home.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said that recognising fathers play an equally important role in family wellbeing, the National Population and Family Development Board (LPPKN) has developed a Fatherhood Module aimed at young dads.

"The module focuses on improving awareness, knowledge and leadership skills through psychosocial approaches, family values and inclusive, modern parenting techniques," she said during her winding up speech of the Supply Bill (Budget) 2026 for her ministry in Parliament today (Oct 3).

LPPKN has also rolled out the Kasih Digital Parenting Programme, designed to equip parents with the tools and knowledge needed to manage the challenges of raising children in an era dominated by screens and social media.

"So far, more than 1,100 participants have benefited from the programme," she said, adding that digital pressures have become one of the biggest contributors to stress for modern families.

To encourage stronger family bonds, her ministry is championing the "No Gadget Hour" campaign, which urges families to spend quality time together without digital distractions.

"These initiatives reflect our continued commitment to strengthen the institution of marriage and the family in Malaysia," she said, adding that such efforts are key to fostering a "prosperous, harmonious and resilient" society.

The programmes form part of the Agenda Nasional Kasih Keluarga Negara under the 13th Malaysia Plan, which prioritises family values, stronger relationships and balanced roles among family members to ensure social stability from within the home.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program PERANTIS Wadah Latih, Bimbing Wanita Jadi Pemimpin Berdaya Saing

🕒 03/11/2025 08:34 PM



KANGAR, 3 Nov (Bernama) -- Program Perantis Kepimpinan Wanita (PERANTIS) yang diperkenalkan tahun lepas ialah wadah efektif dalam usaha melatih dan membimbing golongan wanita menjadi pemimpin berdaya saing pada peringkat global.

Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Perlis P. Kalai Kumar berkata menerusi program itu, peserta akan dibimbing tokoh wanita berpengalaman selain latihan kerja bagi membina kepimpinan wanita berwawasan dan berjiwa masyarakat serta menguasai kemahiran komunikasi dan advokasi sosial yang tinggi

"Setakat ini, Perlis mempunyai empat tokoh wanita berjaya di bawah inisiatif PERANTIS, mereka membimbing peserta dalam bidang keusahawanan, ekonomi dan pendidikan kepimpinan, dan penganjuran program ini di Perlis mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta.

"Perlis mungkin negeri kecil, tetapi wanita di sini mempunyai potensi besar. Kita mahu mereka berani keluar daripada kepompong tempatan, menjadi 'regional player' dan seterusnya 'global player'," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Memacu Usahawan dan Kontraktor Wanita Ke Peringkat Global di sini hari ini.

Kalai Kumar berkata tokoh wanita terpilih akan menerima geran hingga RM50,000 bagi melaksanakan program pembangunan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang, termasuk kepimpinan, politik, ekonomi, sosial, teknologi, perundangan, keselamatan, kesejahteraan, pendidikan dan kesihatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Govt pledges support to help reunite M. Indira Gandhi with missing child

By RAHIMY RAHIM and RAGANANTHINI VETHASALAM



NATION

Monday, 03 Nov 2025

5:43 PM MYT

KUALA LUMPUR: The government will work closely with relevant authorities to help locate the child of M. Indira Gandhi, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy said she sympathised with Indira's case, as it involved a mother and her child.

"God willing, I will help to look into the matter and discuss it with police to find out the real story and how they can help to locate and reunite the family so there will be peace in whatever way possible.

"I assure you, that has been looked into," she said in reply to Teresa Kok (Pakatan-Seputeh), who asked about the government's position on Indira's case.

Kok suggested that police use data on where Indira's ex-husband Riduan, previously known as K. Pathmanathan, has redeemed his Budi95 petrol subsidy and Rahmah Necessities Aid (Sara) credits to locate him.

Nancy also said she had ordered her officers to gather further information so they could assist Indira.

"This is what I can say, that is what has been done so far," she said.

In 2009, Pathmanathan unilaterally converted his three children to Islam and obtained custody from the syariah court.

In 2010, the Ipoh High Court granted full custody to Indira, and in 2016, the Federal Court affirmed a High Court mandamus order to apprehend Pathmanathan and return Prasana to her mother.

The apex court ruled in 2018 that the unilateral conversion was null and void.

Prasana was 11 months old when taken and turned 17 this year.

Indira's two other children were returned to her in 2010.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Hannah Yeoh warns of stern action, including police report, if Warzone Championship featuring child fighters proceeds



Youth and Sports Minister Hannah Yeoh said the Warzone World Championship combat event, which is expected to feature fighters from Malaysia and Indonesia, cannot go ahead as it has not received official approval from the ministry. — Bernama pic

Monday, 03 Nov 2025 8:31 PM MYT

PETALING JAYA, Nov 3 — The Youth and Sports Ministry (KBS) will take stern action, including lodging a police report, if the Warzone World Championship (WWC) combat event scheduled for December 6 and 7 at Stadium Arena 9, Nilai, Negeri Sembilan, proceeds as planned by the organiser.

Youth and Sports Minister Hannah Yeoh said the event, which is expected to feature fighters from Malaysia and Indonesia, cannot go ahead as it has not received official approval from the ministry.

"Although they have started promoting the event, it is not listed in KBS's approved events. This means there is no permission from KBS, and without approval, the event cannot take place," she said after launching the Jaguh Rakan Muda reality TV programme here today.

Hannah said the ministry had repeatedly reminded organisers to obtain KBS's approval before hosting any sports competition, especially those involving foreign participants.

She said the application process is crucial to ensure the safety of participants and spectators, including through insurance and permit verification.

"Each application typically takes about 30 days to process, and organisers must comply with the set conditions to ensure the event's content and execution are conducted safely," she said.

Meanwhile, Hannah said most of the public feedback, particularly from parents, expressed opposition to the event, as it was inconsistent with safe sports values and culture.

"In this case, many parents were angry after seeing the promotional video showing children fighting. As we know, not all content is suitable for Malaysian society, especially when we are dealing with bullying cases and the government is actively countering such trends," she said.

Hannah said the government remains firm in its policy to protect the younger generation and will not support any content or event that promotes elements of violence or bullying in society.

"To me, the number of views doesn't mean anything. I don't care how many views you get — I have a responsibility, and we are enforcing our Safe Sport Code.

"Together with Datuk Seri Nancy Shukri (Minister of Women, Family and Community Development), Fadhlina Sidek (Education Minister) and all those responsible for our young generation, given the current trend of bullying cases, the government simply cannot support such content. I'm sorry, but we cannot endorse it," she said.

In a statement yesterday, Hannah reiterated that all sports events, especially those involving international participation, must obtain approval from the Sports Commissioner of Malaysia (P/S) in accordance with the Sports Development Act 1997 [Act 576].

The promotional video for the championship drew public criticism after it featured a fight scene between two child fighters from Malaysia and Indonesia. — Bernama

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan Teliti Naikkan Geran KRT Aktif Hingga RM10,000

🕒 03/11/2025 07:59 PM



KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Kementerian Perpaduan Negara sedang meneliti untuk menaikkan kadar geran Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang aktif hingga RM10,000 setahun, sebagai usaha memperkasakan peranan komuniti dalam memupuk perpaduan dan menjana ekonomi setempat.

Menterinya berkenaan Datuk Aaron Ago Dagang berkata ketika ini, terdapat 8,586 KRT di seluruh negara dengan setiap satunya menerima geran tahunan RM6,000 bagi melaksanakan program keselamatan, kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

"Kementerian mengakui jumlah peruntukan sedia ada memang tidak mencukupi bagi memastikan KRT memainkan peranan lebih besar. Oleh itu, kerajaan sedang meneliti kaedah menaikkan kadar geran kepada KRT hingga RM10,000 setahun mengikut tahap keaktifan masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2026 peringkat dasar bagi kementerian itu, di Dewan Rakyat hari ini.

Aaron memaklumkan sejak pelancaran Pelan Pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif pada 2023, sebanyak 504 projek ekonomi komuniti telah dibangunkan merangkumi perusahaan makanan, pelancongan komuniti, kraftangan dan produk bukan makanan.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), yang berhasrat menyediakan perkhidmatan penjagaan warga emas seperti pusat jagaan harian atau kediaman, perlu menukar pendaftaran di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).

Beliau berkata PAWE tidak dibenarkan berfungsi sebagai pusat jagaan, memandangkan peranan dan pengoperasiannya berbeza iaitu menyediakan aktiviti rekreasi, sosial dan pembelajaran bagi menggalakkan warga emas hidup berdikari.

"Pendaftaran PAWE tidak membolehkan mereka mengoperasikan pusat jagaan. Namun, sekiranya mana-mana PAWE mempunyai premis bersesuaian serta boleh penuhi syarat dan berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan pusat jagaan, mereka boleh menukar pendaftaran mengikut Akta 506," katanya ketika menggulung perbahasan bagi kementerian itu.

Nancy berkata Akta 506 menetapkan beberapa keperluan penting termasuk penyediaan penjaga terlatih, kemudahan yang mencukupi serta patuhan nisbah ruang lantai dengan jumlah penghuni, bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan warga emas.

Beliau memaklumkan sebanyak 193 PAWE kini beroperasi di seluruh negara, yang memberi manfaat kepada lebih 50,000 warga emas melalui pelbagai aktiviti sihat dan bermanfaat seperti senaman, program keagamaan serta latihan celik digital.


Persidangan bersambung esok.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jumlah kanak-kanak perlukan penjagaan, perlindungan naik 12.7%



Oleh HENDRA WINARNO 3 November 2025, 3:00 pm

PETALING JAYA: Bilangan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan meningkat 12.7 peratus kepada 9,624 kes pada 2024, menurut Statistik Kanak-Kanak, Malaysia, 2025 oleh Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, kanak-kanak perempuan mencatatkan kenaikan 11.3 peratus kepada 6,031 kes, manakala kanak-kanak lelaki lebih tinggi iaitu 15.2 peratus.

"Bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah menurun 4.2 peratus kepada 2,627 kes, manakala kanak-kanak Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 82.2 peratus, diikuti Cina (9.0 peratus), India (4.9 peratus) dan Lain-lain (4.1 peratus).

"Selain itu, bilangan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berdaftar (TASKA) meningkat 1.4 peratus kepada 3,198 buah pada 2024.

"Johor mencatatkan pertumbuhan tertinggi iaitu 29.4 peratus, manakala Putrajaya mencatatkan penurunan terbesar iaitu 21 peratus.

"Pendaftaran murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan pula menurun 0.2 peratus, dengan penurunan 3.0 peratus di peringkat menengah atas, manakala sekolah swasta menurun 0.3 peratus, terutamanya disebabkan penurunan 3.4 peratus di peringkat tadika," katanya dalam kenyataan.

Jelas Mohd Uzir, jumlah kanak-kanak berumur bawah 18 tahun di Malaysia dianggarkan seramai 9.03 juta orang, iaitu 26.4 peratus daripada jumlah penduduk 34.23 juta berdasarkan anggaran penduduk 2025.

"Daripada jumlah ini, 4.66 juta adalah lelaki dan 4.37 juta adalah perempuan dan kanak-kanak berumur bawah lima tahun pula berjumlah 2.31 juta orang.

"Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi kanak-kanak bawah 18 tahun (39.9 peratus), diikuti Kelantan (33.5 peratus) dan Terengganu (32.9 peratus).

"Dari segi bilangan, Selangor mencatatkan jumlah kanak-kanak tertinggi iaitu 1.81 juta orang, manakala Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan jumlah terendah iaitu 0.03 juta orang," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, dari aspek kesihatan, liputan imunisasi bayi menunjukkan penurunan pada 2024 bagi kelima-lima jenis imunisasi utama.

"Liputan bagi Polio, Difteria, Tetanus & Pertusis (DTP), Haemophilus influenzae Type B (HIB) dan Hepatitis B masing-masing menurun 6.1 mata peratus, manakala Bacillus Calmette-Guerin (BCG) menurun 0.3 mata peratus," katanya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Lepas saya baca berita itu, saya uninstall Roblox dan larang anak muat naik semula'

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Permainan video dalam talian seperti Roblox boleh memberi kesan negatif terhadap emosi dan tingkah laku kanak-kanak sekiranya tiada pengawasan dibuat.

Penjawat awam, Fauziah Salleh, 35, berkata, anak lelaki berusia enam tahun bermain permainan itu yang dimuat turun di peranti miliknya sejak awal tahun ini.

"Anak saya main permainan ini antara satu hingga dua jam sehari pada waktu siang sahaja. Setiap kali dia bermain permainan itu, saya pasti akan memantaunya.

"Anak nampak gemar main Roblox memandangkan dia kerap bercerita dengan saya mengenai proses permainan itu," katanya.

Bagaimanapun, Fauziah berkata, dia telah pasang (uninstall) permainan itu selepas membaca berita tular berkaitan Roblox yang dilaporkan, baru-baru ini.

"Selepas saya baca berita itu, saya terus 'uninstall' permainan berkenaan dan melarang anak daripada memuat naik semula di semua peranti.

"Pada pandangan saya, insiden berlaku baru-baru ini membuktikan bahawa ketagihan permainan boleh mendorong anak-anak bertindak luar kawalan akibat tekanan dan halusinasi daripada dunia maya.

"Sebagai ibu bapa, kita perlu menetapkan had masa skrin, memantau aktiviti anak-anak serta menerapkan kefahaman bahawa dunia permainan tidak sama dengan dunia sebenar.

"Pada masa sama, galakkan aktiviti fizikal, komunikasi keluarga dan permainan sebenar bagi membentuk keseimbangan emosi dan mental anak-anak," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan polis tidak menolak kemungkinan kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang cedera parah akibat dikelar di Kampung Parit Nipah Laut, Batu Pahat, Johor, pada 27 Oktober lalu, oleh abangnya berusia sembilan tahun akibat pengaruh permainan video.

Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahman Arsad dilaporkan berkata, siasatan awal mendapati suspek dipercayai bertindak demikian selepas berang adiknya merosakkan telefon bimbit sehingga dia kehilangan kira-kira sejuta mata terkumpul (point) dalam permainan Roblox.

Sementara itu, kerajaan dilaporkan sedang meneliti kemungkinan mengharamkan aplikasi permainan dalam talian popular Roblox dan UMI susulan kebimbangan mengenai keselamatan dan kandungan yang mempengaruhi golongan muda.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, perkara itu masih di peringkat perbincangan dengan keputusan muktamad akan mengambil kira langkah bakal diambil oleh Australia yang merancang melaksanakan peraturan baharu terhadap Roblox pada Disember ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3 lelaki ditahan, disyaki pukul kanak-kanak curi pengecas bateri

🕒 03 November 2025, 4:03pm



Oleh: Muhaamad Hafis Nawawi

KUALA LUMPUR: Polis menahan tiga lelaki disyaki terbabit dalam kes memukul seorang kanak-kanak yang dituduh mencuri pengecas bateri telefon bimbit.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Fadil Marsus berkata, suspek pertama ditahan di Kelantan semalam, manakala suspek kedua dan ketiga diberkas di ibu negara, hari ini.

Beliau berkata, terdahulu polis melihat satu hantaran dalam media sosial berhubung seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun dipukul oleh beberapa lelaki di kawasan medan selera di sebuah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sini.

Katanya, punca kejadian dipercayai bermula dengan suspek menuduh mangsa mencuri pengecas bateri milik rakan suspek.

"Mangsa mengalami kecederaan luka kecil di bahagian dahi serta mulut dan telah menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL)," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Fadil berkata, hasil semakan polis mendapati kes itu berlaku di Setapak.

Kes disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan serta Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan dan membuat ugutan jenayah terhadap mangsa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar hiasan - Kredit Janaan AI

Hari keluarga bertukar duka, anak tiga tahun lemas di kolam

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA 3 November 2025, 2:05 pm

ALOR GAJAH – Keceriaan rombongan dari Temerloh, Pahang yang datang ke Melaka bagi meraikan hari keluarga bertukar pilu selepas seorang kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun ditemukan lemas di kolam renang sebuah rumah inap di Durian Tunggal, di sini, kelmarin.

Mangsa dipercayai telah terjatuh ke dalam kolam tidak lama selepas keluarga tersebut selesai mengadakan penyampaian hadiah acara sukaneka pada pukul 10 malam.

Menurut sumber, insiden yang menimpa kanak-kanak itu disedari bapa saudaranya pada pukul 10.50 malam apabila terlihat mangsa dalam keadaan terapung di dalam kolam.

Katanya, ahli keluarga cuba menyelamatkan mangsa dengan memberikan bantuan pernafasan (CPR) sementara menunggu ketibaan ambulans dan pasukan perubatan kira-kira 40 minit kemudian.

"Mangsa kemudian dibawa ke Hospital Melaka untuk rawatan kecemasan, namun doktor mengesahkan kanak-kanak itu meninggal dunia pada pukul 11.45 malam.

"Bedah siasat dijalankan pada pagi semalam sebelum jenazah dituntut Unit Khidmat Van Jenazah (UKVJ) Melaka," katanya di sini, hari ini.

Tambahnya, mangsa bersama ibu dan bapanya serta tujuh buah keluarga lain bertolak dari Temerloh dengan menaiki bas bagi menghadiri program hari keluarga pada Jumaat lalu dan menginap di rumah inap itu yang mempunyai kemudahan kolam renang.

"Ketika kejadian, kira-kira pukul 10 malam, semua ahli keluarga berada di dalam rumah, manakala bapa mangsa berada di bahagian belakang menyediakan barbeku.

"Ibu mangsa berusia 36 tahun pula mendakwa kali terakhir dia melihat anaknya itu sekitar pukul 9 malam ketika mangsa naik ke bilik atas untuk bermain," ujarnya.

Difahamkan, jenazah telah dimandi dan dikafankan di Bilik Wakaf Bukit Bayan sebelum dibawa pulang ke Kampung Sungai Nipah, Sungai Besar dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Batu 23, Sungai Nibong, Selangor. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki disyaki rogol anak akan didakwa esok

🕒 03 November 2025, 11:28pm



BENTONG: Seorang lelaki yang disiasat kerana didakwa merogol anak kandungnya 17 Oktober lalu, akan dihadapkan ke mahkamah esok.

Ketua Polis Daerah Bentong, Superintendan Zaiham Mohd Kahar berkata, suspek berusia 35 tahun akan dibawa ke Mahkamah Sesyen Raub pada jam 8.30 pagi.

"Suspek akan dituduh mengikut Seksyen 376A/376B Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan ringkas di sini, hari ini.